

B518  
MAHATHIR-UMNO

1981

KUALA LUMPUR, 27 NOV. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYATAKAN KESEDIAAN UMNO UNTUK BERBAIK-BAIK DAN BEKERJASAMA DENGAN MEREKA YANG SELAMA INI MELEMPARKAN TUDUHAN KONONNYA UMNO TIDAK MENJALANKAN PEMERINTAHAN MENURUT HUKUM ISLAM.

PERDANA MENTERI, SELAKU PRESIDEN UMNO MENEGASKAN UMNO SEBAGAI PARTI ISLAM TIDAK AKAN BERSIKAP SEBAGAI MUSUH KEPADA MEREKA YANG MENUDUH SECARA MELULU ITU.

+KITA BERSEDIA UNTUK MENGHADAPI MEREKA, UNTUK BERBAIK-BAIK DENGAN MEREKA DAN UNTUK BEKERJASAMA DENGAN MEREKA.

+KITA BERSEDIA KERANA KITA INGIN MEMBUAT APA YANG DISURUH OLEH ISLAM DAN APA YANG BOLEH KITA BUAT UNTUK ISLAM+. TAMBAH BELIAU SEMASA MERASMIKAN KURSUS AGAMA ANJURAN BIRO AGAMA UMNO DI IBUPEJABAT UMNO DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA UMNO SEBAGAI PARTI ISLAM DAN PENDUKUNG AGAMA ISLAM DALAM KERAJAAN YANG MEMERINTAH SEBUAH NEGARA YANG AGAMA RASMINYA ADALAH ISLAM MEMPUNYAI TANGGUNG-JAWAB YANG BERAT. 219

KATANYA, UMNO TIDAK BERTINDAK KERANA INGIN MEMENANGI PERTANDINGAN POLITIK TETAPI BERTINDAK KERANA KEHENDAK ISLAM DAN AJARANNYA.  
--BERSAMBUNG 1129/AN

B519  
MAHATHIR-UMNO. 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENJELASKAN SIAPA JUGA YANG BERPEGANG KEPADA PENDAPAT INI ADALAH KAWAN UMNO TETAPI SIAPA YANG MENCABUL AGAMA ISLAM AKAN DITENTANG.

+TETAPI JIKA MEREKA INSAF DAN BERBALIK KEPADA AJARAN ISLAM, JIKA MEREKA INGIN BERSAUDARA SEBAGAI ORANG ISLAM, KITA AKAN MENERIMA MEREKA.... KESALAHAN MEREKA DAHULU AKAN DIBALAS OLEH ALLAH+.

BELIAU MENEGASKAN APA YANG UMNO BOLEH BUAT IALAH MENERIMA MEREKA YANG TELAH SEDAR MENGENAI KESALAHAN MEREKA DAN BUKAN BAGI UMNO UNTUK MEMBACA APA YANG TERSEMAT DALAM HATI MEREKA.

+YANG KITA PERLU TERIMA SEBAGAI MANUSIA BIASA IALAH APA YANG NYATA KEPADA KITA SAHAJA.+ TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEKANKAN UMNO, SEBAGAI SEBUAH PARTI ISLAM, MEMPRAKTIKKAN SEGALA YANG DISURUH OLEH ISLAM.

+JIKA KITA MENEGUR, JIKA KITA MENGAMBIL TINDAKAN UNTUK MENGHALANG PERBUATAN KAFIR-MENKAFIR, PULAU-MEMULAU, BERJEMAAH BERASINGAN, PERBUATAN TIDAK MAHU MENNUNAIKAN FARDHU KIFAYAH INI SEMUA KITA BUAT KERANA KITA ADALAH ORANG ISLAM YANG MAHU PATUH KEPADA HUKUM-HUKUM ISLAM+.

--BERSAMBUNG 1133/AN

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEBAGAI ORANG ISLAM, SEBAGAI PARTI ISLAM DAN SEBAGAI KERAJAAN YANG BERTANGGUNGJAWAB KEPADA ORANG ISLAM DAN AGAMA ISLAM DI NEGARA INI, ADALAH MENJADI SATU KESALAHAN BESAR DAN BERDOSA JIKA KERAJAAN MELIHAT SATU KESALAHAN DIBUAT TERHADAP AGAMA ISLAM TETAPI TIDAK MENGAMBIL TINDAKAN SEDANGKAN IA BERUPAYA BERBUAT DEMIKIAN.

BELIAU LALU MENYERU SUPAYA TIDAK ADA KEKELIRUAN DI KALANGAN AHLI-AHLI UMNO TENTANG PERANAN PARTI SEBAGAI PENDUKUNG AGAMA ISLAM.

KATANYA MUNGKIN ADA ORANG YANG MENUDUH BAHAWA UMNO SEBAGAI PARTI YANG MEMERINTAH TIDAK MELAKSANAKAN SEMUA UNDANG-UNDANG ISLAM.

INI TIDAKLAH BENAR KERANA APA YANG UMNO BUAT ADALAH MENGIKUT LANDASAN YANG DIIZINKAN OLEH ISLAM DAN BERASASKAN AL-QURAN DAN SUNNAH NABI.

BELIAU BERPENDAPAT MEREKA YANG MENUDUH UMNOLAH YANG TIDAK MENURUT HUKUM ISLAM DAN INI BOLEH DIBUKTIKAN BILA-BILA SAHAJA.

UCAPAN BELIAU ITU DITAKSIRKAN OLEH PARA HADIRIN SEBAGAI SATU JEMPUTAN RASMI UNTUK PAS MENYERTAI KEMBALI BARISAN NASIONAL.

--BERSAMBUNG 1210/AN

MAHATHIR-UMNO 4 KUALA LUMPUR

BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI SEMASA DITANYA OLEH PARA PEMBERITA MENGENAI PERKARA ITU MENJELASKAN IA ADALAH SATU JEMPUTAN UNTUK SEMUA ORANG ISLAM SUPAYA MENYERTAI UMNO - SEBUAH PERTUBUHAN PARTI POLITIK ISLAM YANG TERBESAR DI NEGARA INI.

BELIAU BERKATA JIKA PAS INGIN MENYERTAI SEMULA BARISAN NASIONAL, UMNO TIDAK MEMPUNYAI SEBARANG HALANGAN.

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENGULANGI KENYATAANNYA BARU-BARU INI BAHAWA PAS SENDIRI PERLU MEMBUAT INISIATIF DAHULU UNTUK MENYERTAI SEMULA BARISAN NASIONAL.

+PADA LUMRAHNYA, SEBUAH PARTI KECIL PERLU BERGABUNG DENGAN PARTI BESAR DAN SEBUAH PERTUBUHAN YANG LAMBAT MENYERTAI SESUATU KUMPULAN PERLU MENGORAK LANGKAH LEBIH DAHULU JIKA INGIN MENYERTAI KUMPULAN YANG LAMA WUJUD+.

DITANYA SAMADA SERUAN ITU BOLEH DITAFSIRKAN UMNO INGIN MELIHAT UMAT ISLAM BERSATU-PADU MENGHADAPI KEMUNGKINAN PILIHANRAYA UMUM TIDAK LAMA LAGI, BELIAU BERKATA PADA SAAT INI SEGALAGALANYA DILIHAT SEBAGAI DEMAM PILIHANRAYA.

+BELANJAWAN YANG DIBENTANGKAN BARU-BARU INIPUN DITAFSIRKAN SEBAGAI BELANJAWAN PILIHANRAYA SUNGGUHPUN KERAJAAN TIDAK PERNAH MENGEMUKAKAN BELANJAWAN YANG MEMBEBAHKAN RAKYAT SEJAK ENAM TAHUN LALU+, TAMBAH BELIAU.